

HERO MELAYU: PEMERIHAN MASKULINITI, PENAMPILAN DIRI DAN ISU-ISU POPULAR TERPILIH DALAM MEDIA SOSIAL

MALAY HERO: DESCRIPTIONS OF MASCULINITY, SELF-APPEARANCES AND SELECTED POPULAR ISSUES IN SOCIAL MEDIA

Md. Azalanshah Md Syed^{1*}, Kamal Solhaimi Fadzil² and Siti Rosmani Md Zin@Zakaria³

¹Department of Media and Communication Studies, Faculty of Arts and Social Sciences, Malaysia Korea Research Centre, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

²Department of Anthropology and Sociology, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

³School of Dental Sciences, Universiti Sains Malaysia, Kelantan, Malaysia

*Corresponding author: azalan@um.edu.my

Published online: 30 April 2025

To cite this article: Md. Azalanshah Md Syed, Kamal Solhaimi Fadzil and Siti Rosmani Md Zin@Zakaria. 2025. Hero Melayu: Pemerihalan maskuliniti, penampilan diri dan isu-isu popular terpilih dalam media sosial. *Kajian Malaysia* 43(1): 201–224. <https://doi.org/10.21315/km2025.43.1.10>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2025.43.1.10>

ABSTRACT

This article re-examines the concept of a Malay hero and its interpretation through selected popular issues in social media. The common description and concept of a Malay hero usually focuses on aspects of masculinity. These are highlighted through various popular texts of the Malay society, including traditional hikayat, until the emergence of the era of print media, film, and broadcast media. However, the ability of social media to display popular images and texts without limits has created a new space for continuous debate and discussion on the masculinity of current Malay heroes. This study employs qualitative content analysis methods and argues that self-appearances based on admirable behaviour, physical fitness, and strength, as well as ethical loyalty, have added a new narrative to the masculinity description of the Malay hero. As a result, the concept of the Malay hero as a cultural institution is constantly changing based on the prominence of selected popular issues, celebrity status, and the influence of the mass media. Other than

that, the findings of this study illustrate the important role of social media as the main platform to debate and re-interpret the concept of a hero, particularly through self-appearances in contemporary Malaysia.

Keywords: Malay hero, masculinity, self-appearances, popular issues, social media

ABSTRAK

Artikel ini meneliti semula konsep hero Melayu dan tafsirannya menerusi isu-isu popular terpilih dalam media sosial. Pemerihalannya mengenai konsep hero Melayu tertumpu pada aspek maskuliniti yang diketengahkan menerusi pelbagai teks popular masyarakat Melayu. Perkara ini termasuklah hikayat tradisi sehinggalah kemunculan era media cetak, filem dan siaran. Namun, keupayaan media sosial hari ini memaparkan imej dan teks popular tanpa batasan telah membina ruang perdebatan dan perbincangan mengenai maskuliniti hero Melayu semasa secara berterusan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif dan berhujah bahawa penampilan diri berdasarkan perlakuan yang terpuji, kecergasan badan dan kekuatan fizikal serta kesetiaan yang beretika telah menambah naratif baharu mengenai pemerihalannya maskuliniti hero Melayu. Justeru, konsep hero Melayu sebagai sebuah institusi budaya sentiasa mengalami perubahan berdasarkan penonjolan isu-isu popular terpilih, status selebriti dan pengaruh media massa. Selain itu, dapatan kajian ini turut memperlihatkan peranan penting media sosial sebagai medan utama perdebatan dan tafsiran semula konsep hero khususnya menerusi penampilan diri dalam konteks Malaysia kontemporari.

Kata kunci: hero Melayu, maskuliniti, penampilan diri, isu popular, media sosial

PENDAHULUAN

Teks popular sering menjadi medan penceritaan dan perdebatan mengenai institusi hero dalam masyarakat Melayu. Secara umumnya, dunia tradisi Melayu memperlihatkan perwatakan serta pemerihalannya hero diceritakan secara lisan sebelum ditulis dalam bentuk manuskrip hikayat lama dan diambil alih dunia penerbitan moden (Sweeney 1973; Muhammad 2012). Antaranya termasuklah *Hang Tuah*, *Merong Mahawangsa*, *Putera Buluh Betong*, *Badang* dan *Raja Bersiong* (Maxwell 1881; Zainal-‘Abidin 1951; Hussain 2008; Muhammad 2012). Dalam tradisi lisan, meskipun istilah hero sering didominasi oleh golongan bangsawan,

sistem feodal dan konsep daulat, perkaitannya dengan golongan kebanyakan masih dilihat dengan jelas (Shaharuddin 1993). Antaranya termasuklah Hang Tuah yang mahir dalam ilmu pencak silat dan ilmu kebatinan (Braginsky 1990) serta kekuatan luar biasa Badang yang memberikan kelayakan kepada mereka untuk dilantik menjadi laksamana dan hulubalang diraja (de Josselin de Jong 1969). Menurut Wright (2005), teks popular mempunyai sumbangan yang amat penting dalam pembinaan imej dan pemerihalan tentang hero dalam masyarakat. Sebagai contoh, imaginasi dan pengamatan khalayak awam terhadap kepelbagaian hero – tradisi, romantik, moden, pasca moden dan sebagainya – menjadi antara minat kritikal serta naratif dalam kehidupan seharian.

Konsep dan institusi hero dalam masyarakat adalah bersifat universal. Klapp (1948) menyatakan bahawa hero mempunyai imej yang sempurna, menjadi legenda dan simbol dalam kehidupan sosial masyarakat. Menurut Kumar (2017), hero merujuk kepada seseorang yang mempunyai karisma dan keistimewaan serta mempamerkan kualiti dari segi nilai moral, kesaksamaan dan perjuangan untuk menegakkan keadilan, manakala Cubitt (2000) mentakrifkan hero sebagai seseorang individu – sama ada lelaki atau wanita – yang mendapat pengiktirafan oleh individu lain dalam bentuk kemasyhuran dan penghormatan yang mempunyai makna tersirat dan kepentingan simbolik. Namun, pengertian institusi hero sering berubah dan bergantung pada konteks atau naratif, peranan yang dimainkan dan latar budaya setempat. Misalnya, hero Melayu lebih bersifat patriarki. Justeru, memadai untuk dinyatakan bahawa lelaki lebih berkedudukan untuk mendapat gelaran hero berbanding dengan wanita dalam dunia Melayu.

Selain “kejantinaannya”, kedudukan hero Melayu moden tidak terhad kepada ciri-ciri kepahlawanan dan keperwiraan seperti yang sering diceritakan dalam kebanyakan teks hikayat dan cerita lisan. Hal ini kerana konsep dan pengiktirafan institusi hero secara global telah diperluas dalam politik, sukan, hiburan, agama dan bidang lain yang menarik perhatian khalayak umum (Klapp 1948; Parry 2021). Malahan dari satu sudut, adat dan nilai-nilai Islam berperanan luas dalam membentuk moral dan keperibadian seseorang hero dalam dunia Melayu. Shaharuddin (1993) menyatakan antara nilai penting dalam mentakrifkan hero Melayu menurut Islam termasuklah mencintai ilmu, bersikap adil dan saksama, bermoral, jujur dan menghormati undang-undang. Strate (1985) menyatakan bahawa walaupun setiap masyarakat di dunia ini mempunyai hero, pandangan terhadapnya adalah berbeza dalam satu budaya dengan budaya yang lain. Kedekatan institusi popular ini dengan budaya sesebuah masyarakat menjadikan pengertiannya amat rapuh dan rumit untuk dijelaskan.

Selain adat dan Islam yang menjadi prinsip moral, teknologi media juga berperanan

menjadi acuan imaginasi khalayak awam khasnya dari segi kemasyhuran dan status seseorang hero Melayu. Strate (1985) menyatakan bahawa teknologi media berupaya mengetengahkan suatu dimensi dan imaginasi baharu terhadap institusi hero dalam masyarakat. Hal ini diakui oleh Drucker dan Cathcart (1994) yang menjelaskan bahawa fungsi dan latar institusi hero dalam masyarakat merupakan suatu fenomena komunikasi dengan mengambil kira peranan teknologi media. Maka tidak hairanlah jika institusi hero turut dianggap sebagai suatu *pseudo-event* (Boorstin 1961) iaitu fenomena rutin dalam era selebriti yang menuntut peranan dan perancangan media bagi menarik perhatian khalayak umum (Morgan 2019). Hal ini bermakna media, sama ada bercorak tradisi atau moden, secara tegar akan mencipta pesona yang mampu memuaskan kehendak khalayak terhadap individu yang dianggap hero dan juga menggambarkan kepincangan mereka (Drucker dan Cathcart 1994). Kesannya, hero mula dianggap sebagai selebriti yang menekankan imej dan nama dalam kalangan pengikut, peminat dan sebagainya. Namun, hero dan selebriti mempunyai sifat dan ciri yang berbeza dan perkara ini akan dibincangkan kemudian (Boorstin 1961; Fraser dan William 2009).

Kemunculan media sosial tidak hanya menambah baik, malah mengekalkan peranan teknologi media konvensional seperti media cetak dan media elektronik. Menurut Morgan (2019), peningkatan populasi yang seiring dengan perkembangan media semasa telah menyediakan platform baharu untuk institusi hero diketahui oleh khalayak awam dengan lebih luas. Pemodenan masyarakat turut memberi kesan terhadap penemuan teknologi seperti media elektronik – dan yang terbaharu media sosial – dalam proses penyampaian maklumat dan pembentukan imaginasi khalayak. Secara umumnya, media sosial ditakrifkan sebagai suatu aplikasi internet yang dibina dari sudut teknologi dan ideologi web 2.0. Aplikasi ini membenarkan penciptaan dan pertukaran sesuatu yang dipanggil sebagai kandungan yang dicipta pengguna atau *user generated content* (Kaplan dan Haenlein 2010).

Dalam pemerhatiannya terhadap perkembangan teknologi media, McLuhan (1964) mengemukakan hujah bahawa medium ialah sebuah mesej. Namun teknologi seperti media sosial tidak hanya mempengaruhi cara kandungan disebar dan difahami, malah mengubah landskap ekologi komunikasi. Keupayaan media sosial menyebarkan maklumat dengan pantas, bersifat interaktif dan popular telah mengubah makna dan pembinaan naratif institusi hero khasnya dalam dunia Melayu, malahan, kebanyakan lelaki Melayu mula berkongsi, membina dan membentuk acuan imaginasi mereka khasnya terhadap bentuk maskuliniti berdasarkan konteks persekitaran melalui media sosial (Fansuri 2020). Misalnya, aspek penampilan diri yang menjadi perhatian utama khalayak terhadap ciri seseorang yang bergelar hero turut menulis semula makna dan naratif pemeriharaan maskuliniti hero Melayu. Kemunculan selebriti media sosial turut mewujudkan kekeliruan khususnya dari

segi status, penghormatan dan populariti yang biasanya dikecapi oleh seseorang yang bergelar hero dalam masyarakat. Justeru, artikel ini meneliti dan menganalisis pelbagai isu popular terpilih dalam media sosial khususnya teks hiburan dan politik yang menawarkan tafsiran baharu terhadap naratif maskuliniti dan konsep institusi hero Melayu kontemporari.

HERO DAN NARATIF MASKULINITI

Pembentukan institusi hero tidak dapat lari daripada penampilan diri yang membawa kepada pemerihalan maskuliniti. Hal ini adalah kerana naratif tentang maskuliniti saling bertindan dengan huraian penampilan diri dalam kebanyakan perbincangan konsep institusi hero semasa. Malahan penampilan diri dilihat sebagai suatu nilai tambah kepada pengukuhan citra maskuliniti seseorang individu. Menurut Arkin, Lake dan Baumgardner (1986), istilah penampilan diri merujuk kepada usaha individu untuk mewujudkan identiti dengan mengawal gambaran imej dirinya pada pandangan mata orang lain. Penampilan diri boleh dikaitkan dengan peranan tertentu yang dimainkan oleh setiap individu ketika muncul dalam khalayak (Trammell dan Keshelashvili 2005).

Naratif tentang maskuliniti dalam masyarakat sering dikaitkan dengan penampilan kejantinaan atau gender iaitu peranan yang berdasarkan jantina seseorang individu. Menurut Lee (2002), kejantinaan merupakan suatu konstruk sosial dan keadaan ini turut mempengaruhi peranannya termasuklah identiti kelelakian dan kewanitaan. Namun, Connell (1987) menegaskan bahawa teori peranan jantina mempamerkan ketidakupayaan untuk menerangkan konsep kuasa dan penentangan terhadapnya sebagai suatu ciri yang penting dalam hubungan sesama jantina dan dalam kalangan jantina (Demetriou 2001). Oleh itu, McInnes (2016) menyatakan bahawa kejantinaan seseorang perlu difahami sebagai suatu struktur sosial dan praktik berbanding dengan hanya memahaminya dari sudut biologi. Hal ini adalah kerana kejantinaan seseorang individu dilihat sebagai suatu pencapaian yang berdasarkan perlakuan atau peranan yang dimainkan (West dan Zimmerman 1987).

Struktur praktik kejantinaan turut dianggap sebagai suatu institusi sosial (McInnes 2016). Seseorang yang berperwatakan maskulin atau feminin ditentukan oleh institusi dan konteks yang bertanggungjawab membina makna perlakuan individu. Lee (2002) menyatakan bahawa pandangan terhadap sifat maskulin dan feminin berbeza antara suatu budaya dengan suatu budaya yang lain khususnya jika melibatkan wacana hegemoni berkenaan dengan jantina atau seks yang sistemnya secara umum ditakrifkan berdasarkan binari atau penduaan. Oleh itu, konsep hegemoni turut mempengaruhi takrifan maskuliniti. Sebagai contoh, Connell dan

Messerschmidt (2005) menyatakan bahawa maskuliniti hegemoni perlu difahami sebagai bentuk praktik yang membenarkan dominasi lelaki terhadap wanita secara berterusan. Namun, maskuliniti hegemoni yang diperkenalkan oleh Connell (2003) tidak hanya terhad kepada wanita, malah turut merujuk pada pengawalan sosial antara suatu kumpulan lelaki dengan kumpulan lelaki yang lain – misalnya, antara komuniti lelaki heteroseksual dengan komuniti lelaki homoseksual.

HERO MELAYU DALAM NARATIF MASKULINITI

Dalam dunia Melayu, fasa sistem feudal seperti pada zaman kesultanan Melaka mempunyai naratif maskuliniti yang tersendiri dan dianggap lebih menonjol. Malahan, pengaruh sistem feudal terhadap konsep institusi hero Melayu dilihat kekal hingga ke hari ini dengan satu tujuan iaitu pengekalan kuasa yang bersifat hegemoni. Susur galur Kesultanan Melaka seperti yang dilaporkan dalam karya *Sejarah Melayu* sering dikaitkan dengan keturunan raja yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan yang tinggi. Misalnya, ketokohan dan kepahlawanan Raja-raja Melayu sering dikaitkan dengan keturunan Iskandar Zulkarnain. Menurut Hussain (2008), kesucian keluarga diraja dianggap ciri penting yang berperanan sebagai pelindung dan penjaga rakyat jelata dan digambarkan melalui mitos dan legenda dalam penulisan karya seperti *Sejarah Melayu* (Shellabear 1975). Dalam hal ini, mitos dan legenda membentuk imej maskuliniti dan mencorakkan institusi hero Melayu ketika zaman pemerintahan kesultanan Melaka. Malahan, naratif mengenai putera raja dan penampilannya digambarkan secara berlebihan seperti kesucian darjat, konsep daulat, kesaktian dan rupa paras yang sempurna.

Selain keluarga diraja, terdapat laporan yang memperlihatkan golongan bangsawan dan orang kebanyakan juga menepati ciri-ciri seseorang hero iaitu mempunyai penampilan diri yang maskulin (Braginsky 1990; de Josselin de Jong 1969). Meskipun mereka tidak mempunyai elemen kesucian seperti daulat, kepahlawanan mereka ditampilkan menerusi ilmu kebatinan dan keistimewaan tertentu. Sebagai contoh, Hang Tuah dan Badang yang tidak dilahirkan dalam keluarga diraja mempunyai ilmu kebatinan dan kekuatan yang datang dari proses berguru dan anugerah dari alam ghaib. Kedua-dua tokoh ini dianggap hero dalam masyarakat Melayu walaupun kewujudan mereka berbaur dengan legenda dan mitos. Selain itu, keadilan dan kesetiaan menjadi asas kepada institusi hero atau naratif keperwiraan Melayu dalam fasa prakolonial dan keingkaran mereka akan membawa kepada tulah atau dimakan sumpah.

Bersetuju dengan kenyataan Said (1985), Birch, Schirato dan Srivastava (2001) menegaskan bahawa pandangan Barat tentang masyarakat Timur terarah kepada

mempersendakan dan merendahkan nilai kehidupan sesebuah kaum. Kebiasaannya, pandangan ini dilakukan melalui catatan berdasarkan pemerhatian tanpa memahami konteks budaya masyarakat tempatan. Ketika fasa penjajahan Barat di Tanah Melayu, tumpuan yang sering diberikan oleh orientalis ialah pemerihalan penampilan diri lelaki Melayu yang sering bertindih dengan naratif maskuliniti mereka (Hill 1961; Swettenham 1913). Seperti dalam kebanyakan masyarakat bercorak patriarki, orang Melayu menentukan norma kehidupan individu seperti penampilan diri dan jangkaan sosial berdasarkan jantina (Healey 1994). Hal ini bermakna sifat maskulin biasanya lebih dikaitkan dengan lelaki Melayu yang sentiasa dianggap dominan, kasar dan bersifat melindungi.

Namun pandangan maskuliniti dalam kalangan pegawai kolonial Barat kebiasaannya berpandukan kod hipermaskulin yang menghuraikan bentuk maskulin yang sempurna dan tidak sempurna. Maka, naratif maskuliniti penduduk tempatan dianggap tidak menepati kod piawaian lelaki Eropah yang mementingkan sifat rasional, logik dan mampu mengawal emosi pada kaca mata mereka (Birch, Schirato dan Srivastava 2001). Telahan ini boleh diperdebatkan kerana istilah rasional, pemikiran logik dan kawalan emosi perlu difahami dalam konteks budaya tempatan termasuklah nilai-nilai murni, Islam dan adat Melayu. Alatas (2016) misalnya menyatakan bahawa pandangan berat sebelah pegawai kolonial seperti Stamford Raffles telah memberi citra negatif terhadap imej dan penampilan orang Melayu. Misalnya, terdapat pelbagai laporan kolonial terhadap orang Melayu dari segi penampilan diri dan pemikiran yang tidak selari dengan konsep maskuliniti Eropah. Antaranya laporan Harrison (1954) yang menyatakan tentang perwatakan masyarakat Rembau yang perlu dipantau kerana bersifat pembunuh, tamak haloba, penipu dan pembelot.

Namun seperti yang diakui oleh Alatas (2016), pandangan terhadap penampilan diri dan pemerihalan maskuliniti lelaki Melayu dalam kalangan pegawai kolonial British mula mengalami perubahan pada akhir abad ke-19 dan abad ke-20. Sebagai contoh, meskipun Wright dan Reid (1912) serta Swettenham (1955) merupakan orientalis Barat, mereka masih memandang lelaki Melayu sebagai seorang yang budiman dan pekerja yang mempunyai perwatakan menyeronokkan, mahir dan sentiasa menghiburkan. Selain itu, laporan mereka mengenai perlakuan amuk orang Melayu boleh ditafsirkan sebagai bentuk maskuliniti yang unik dalam institusi hero Melayu. Selain gangguan emosi, perlakuan amuk perlu dilihat berdasarkan objektif yang ingin diketengahkan. Jika mengancam nyawa seseorang individu, maka perlakuan amuk itu dianggap bertentangan dengan perwatakan hero Melayu yang setia, santun dan berbudi pekerti. Pengertian ini mula berbeza sekiranya perbuatan mengamuk itu bertujuan untuk mempertahankan nyawa, maruah individu dan kedaulatan negara (Swettenham 1913).

Dalam dunia kontemporari Melayu, ciri kesetiaan tidak berbelah bagi sebagai suatu bentuk maskuliniti Melayu mula diperdebatkan. Hal ini kerana timbulnya kecenderungan untuk mempersoalkan keperluan mentaati pemimpin secara membabi buta meskipun tindakan yang dilakukan mereka bertentangan dengan nilai dan ajaran Islam. Mereka yang dianggap hero dan wira ialah golongan yang sanggup mempertahankan dan melindungi kesucian Islam. Namun Islam turut menjadi komponen penting dalam pertembungan antara pemimpin untuk mendapatkan sokongan dan memastikan kelangsungan kuasa politik negara (Chandra 2020; Singh 1998). Selain faktor budaya, kemunculan media sosial yang menularkan maklumat dengan pantas dan mempunyai ciri interaktif dalam kalangan generasi muda hari ini telah menulis semula naratif maskuliniti feudal dalam suatu konteks yang baharu khasnya dari aspek penampilan diri. Goffman (1959) merumus konsep *frontstage performance* sebagai unsur penting dalam istilah penampilan diri kerana seseorang individu itu akan lebih berhati-hati dalam mempersembahkan imej dan penampilannya kepada khalayak.

Dalam hal ini, biasanya maskuliniti dicorakkan secara fizikal menerusi proses bersemuka. Malahan, lokasi ruang awam dan khalayak umum turut mengawal pembentukan maskuliniti. Media sosial hari ini membenarkan seseorang individu mengawal dan menentukan imej maskulinitinya secara sendiri tanpa kelibat khalayak secara fizikal. Justeru, penampilan diri memainkan peranan yang amat penting kerana jika aspek penampilan diri tertentu boleh diketengahkan secara terpilih melalui pertemuan bersemuka, keadaan yang sama boleh diperluas dalam suasana maya (Smith dan Sanderson 2015). Menurut Kim dan Papacharissi (2003), laman dalam talian membolehkan individu memberi penekanan terhadap identiti sebenar yang tidak bersesuaian dipamerkan dalam konteks bersemuka. Justeru, konsep utama dalam naratif maskuliniti feudal khususnya terhadap institusi hero mula mengalami perubahan dan penyesuaian menerusi platform penyampaian teks popular seperti media sosial. Malahan pengaruh media sosial dalam mewujudkan *pseudo-event* turut memberi makna baharu terhadap konsep hero Melayu yang berbaur dengan naratif dunia selebriti dari segi penampilan diri dan pemerihalan maskuliniti mereka.

MEDIA, SELEBRITI DAN PROSES PEMBENTUKAN HERO MELAYU MODEN

Kajian lepas mengenai peranan media dalam pembentukan institusi hero banyak tertumpu pada perkaitannya dengan dunia selebriti dan kemasyhuran (Strate 1985; Henderson 1992; Fraser dan Brown 2009; Sperlich 2016; Morgan 2019). Strate (1985) yang meneliti potensi teknologi komunikasi sebagai pemain utama dalam

proses pembentukan hero mengukuhkan lagi hujahan awal sarjana seperti Boorstin (1961) mengenai hubungan antara institusi ini dengan media khasnya yang melibatkan teknologi visual dan budaya popular. Pada dekad awal kemunculan media cetak dan elektronik seperti radio, buku, majalah, papan iklan, filem dan televisyen, khalayak awam yang menyanjung seseorang yang dianggap sebagai “hero” mempunyai capaian terbatas untuk mendekati mereka secara fizikal. Justeru, susuk tubuh, imej dan naratif pemerihalan seseorang hero hanya dilihat menerusi teknologi media massa. Populariti dan kemasyhuran yang disebar luas menerusi teknologi media dan budaya popular secara tidak langsung telah mewujudkan suatu peralihan sosial terhadap institusi hero kepada selebriti. Boorstin (1961) melihat keadaan ini sebagai sesuatu yang dipanggil *human pseudo-event* terhadap institusi hero yang dibentuk dan menjadi subjek pemaparan media. Ketepuan imej menerusi media telah membina suatu garisan perbezaan antara hero dan selebriti. Beliau berhujah bahawa hero dilihat berdasarkan pencapaian, manakala selebriti hanya menerusi imej atau jenama. Tidak seperti selebriti yang dihasilkan menerusi media, hero mencipta dirinya. Jika hero suatu sosok penting, maka selebriti suatu nama besar.

Menurut Fraser dan Brown (2009), hero secara alamiah tidak mencari sebarang perhatian untuk dirinya manakala selebriti memerlukan kelangsungan imej yang sukar dikekalkan dalam kehidupan sebenar. Sperlich (2016) menyatakan perkara yang membezakan hero dengan selebriti ialah konsep kepujian. Hero yang terpuji menjadikan mereka suatu susuk yang dipercayai. Kebiasaannya, seseorang yang dipanggil hero mempunyai moral yang baik dan dijadikan contoh dalam masyarakat. Keadaan ini berbeza dengan selebriti yang membawa pengaruh buruk kerana kemasyhuran mereka dibentuk melalui nilai moral yang tidak semestinya positif. Justeru, seperti yang dinyatakan oleh Sperlich (2016), hero tidak boleh menjadi selebriti meskipun terdapat keadaan tertentu untuk berbuat demikian kerana hero terikat dengan kod moral dan penghormatan. Namun, populariti media sosial hari ini telah mengaburkan sempadan perbezaan antara hero dan selebriti. Malahan, Morgan (2019) berhujah bahawa perbezaan antara kedua-dua entiti ini lebih mudah dinyatakan dalam bentuk teori berbanding praktik.

Dalam konteks budaya dan teks popular Melayu, naratif lazim yang merujuk kepada istilah hero tertumpu pada empat bidang yang penting iaitu politik, agama, petugas barisan hadapan dan sukan. Kesemua bidang ini dipaparkan dengan jelas dalam pelbagai genre teks popular di Malaysia termasuklah akhbar dan majalah, filem, televisyen serta media sosial. Sebelum media elektronik seperti radio dan televisyen diperkenalkan, filem, akhbar dan majalah terlebih dahulu memberikan paparan langsung mengenai citra masyarakat Melayu dan struktur kehidupan mereka. Namun, filem menjadi tumpuan utama kerana fungsinya yang lebih

berpengaruh dan menarik dari segi visual. Konsep maskuliniti dalam kebanyakan filem Melayu turut berpandukan pada prinsip hegemoni patriarki yang menuntut berwatakan jantan dan kasar (Lim 2006; Khoo 2006). Selain penampilan diri yang bertubuh tegap, kebanyakan hero dalam filem Melayu dalam dekad 1950-an hingga dekad pertama 2000-an kebiasaannya berkulit sawo matang, berkumis dan mahir berpencah silat seperti apa yang diistilahkan sebagai maskuliniti Melayu yang autentik atau bersifat asli secara tradisinya (Khoo 2006).

Namun dalam tempoh itu, terdapat juga usaha untuk mengetengahkan imej hero yang memenuhi cita rasa maskuliniti kolonial seperti yang terpapar dalam filem *Antara Dua Darjat* (1960). Selain gaya hidup sekular dan penekanan terhadap pemikiran rasional, elemen kemodenan Barat yang ditonjolkan melalui pendidikan dan perkembangan intelek turut mewarnai filem ini. Sebagai contoh, isu kelas sosial yang menjadi obsesi dalam masyarakat kolonial khasnya orang Inggeris (Morgan 2005) telah diperluas dengan konsep darjat dalam masyarakat Melayu. Selain itu, norma dan konteks seseorang hero dalam kebanyakan filem Melayu cenderung untuk menyokong konsep *heteronormative* yang dianggap senada dengan norma maskuliniti hegemoni Melayu. Menurut Goh (2014), maskuliniti Melayu mestilah bersifat heteroseksual dan sebarang langkah untuk keluar dari ketetapan norma yang berlandaskan Islam dan sistem moral seperti adat dilihat sebagai suatu ancaman kepada institusi kekeluargaan. Misalnya, tokoh Islam seperti Salahuddin al-Ayubi menjadi contoh seorang hero Islam, penguasa, suami dan bapa yang dilihat sentiasa menuruti saranan Nabi Muhammad dalam pentadbirannya menerusi hadis, “barang siapa yang melihat kemungkaran, maka hendaklah mengubahnya” (Chandra 2020; Izra Inna, Mohamad Saleeh dan Md Azalanshah 2017).

Percubaan beberapa pengarah tempatan untuk menghasilkan filem di luar norma maskuliniti Melayu pada dekad 1990-an dan 2000-an telah mendapat kritikan negatif yang berterusan daripada pihak berkuasa agama dan masyarakat awam. Malahan, imej lelaki sama ada yang memegang watak utama atau sampingan sering dipersoalkan dari segi kejantanan dan penampilan maskulin mereka yang tidak “kasar”. Sebagai contoh, watak hero dalam filem *KL Menjerit* (2002) iaitu Shahrul yang berimej heteroseksual dan kelihatan kasar berbanding Tun – watak sampingan yang berperwatakan lembut, santun dan emosi (Lim 2006). Watak Shahrul dalam filem ini tidak sahaja mengekalkan ideologi maskuliniti hegemoni, malah secara tidak langsung mengukuhkan imej heteroseksual dalam pembinaan hero Melayu moden melalui media.

Dekad 2000-an menyaksikan hero Melayu menampilkan kelainan dari segi penampilan diri dan maskuliniti khususnya menerusi drama televisyen. Meskipun

mereka mula berbadan sasa dan tegap, nilai kemelayuan seperti romantik, sopan dan menghormati orang tua menjadi ciri utama kebanyakan watak dan perwatakan hero dalam drama Melayu televisyen kontemporari. Kebiasaannya, konsep daulat ditonjolkan melalui prinsip taat setia kepada raja dan negara melalui watak barisan hadapan seperti dalam drama televisyen popular *Gerak Khas*. Selain itu, proses romantik dalam kebanyakan genre budaya popular hari ini seperti drama televisyen dan filem telah menyesuaikan institusi hero Melayu melalui penampilan diri yang lebih sopan dan berbudi pekerti. Adegan yang menampilkan perbuatan mengamuk hanya ditonjolkan menerusi sikap panas baran dalam hubungan praperkahwinan, pascaperkahwinan dan kekeluargaan. Selain itu, perlakuan amuk turut mewarnai filem-filem yang bercorak patriotik dan aksi seperti *Bravo 5* (2014), *Paskal* (2018), *Wira* (2018) dan *Sangkar* (2019). Walaupun terdapat filem Melayu yang menekankan perlakuan amuk dalam budaya samseng seperti *KL Gangster* (2011) menerusi watak hero, penerapan elemen kasih sayang, nilai-nilai Islam dan kekeluargaan dipaparkan sebagai jalan penyelesaian untuk kehidupan dan masa depan yang lebih baik.

KAEDAH KAJIAN

Menurut Brennen (2017), teks merupakan suatu artifak budaya yang menawarkan maklumat tentang praktik sosial, pemaparan dan andaian. Justeru, kajian ini menggunakan kaedah analisis teks kualitatif untuk salah satu media sosial popular iaitu Facebook yang menjadi medan penting penyebaran teks di Malaysia. Kajian ini dijalankan pada tahun 2019 hingga 2020 dengan meneliti teks popular yang terpapar menerusi Facebook. Dalam hal ini, Facebook berperanan penting dalam membentuk imaginasi berdasarkan teks naratif mengenai konsep hero Melayu kontemporari. Naratif yang menjadi tema penting dapatan kajian iaitu penampilan diri dan pemerihalan maskuliniti akan dianalisis secara kritikal menerusi hantaran Facebook dalam bentuk teks. Kaedah analisis teks kualitatif media sosial boleh dibahagikan kepada tiga cara iaitu analisis aktif yang melibatkan penyertaan penyelidik dalam proses komunikasi dengan pengguna Facebook; analisis pasif yang menggunakan teknik pemerhatian terhadap pemaparan corak maklumat atau interaksi pengguna Facebook dalam kumpulan (group) tertentu, dan yang terakhir penyelidik menggunakan Facebook sebagai platform untuk mengumpulkan responden bagi tujuan temu bual melalui web, tinjauan dan sebagainya (Eysenbach dan Till 2001; Franz et al. 2019). Namun, kajian ini hanya menggunakan analisis pasif dengan menumpukan kepada pelbagai isu popular hiburan dan politik Melayu yang mempunyai kaitan secara langsung dengan penampilan diri – konsep yang mewujudkan naratif baharu mengenai maskuliniti dan makna hero Melayu dalam dunia media sosial.

Menurut Franz et al. (2019), data yang diperoleh daripada media sosial seperti Facebook menawarkan suatu konteks penting kepada penyelidik kualitatif. Terdapat tiga jenis data primer yang boleh dianalisis secara teks iaitu hantaran (*post*) yang ditulis oleh pengguna Facebook seperti kemas kini status yang biasanya muncul dalam suapan berita (*news feed*), komen yang merupakan maklum balas terhadap hantaran tertentu atau kritikan terhadap komen; dan pesanan (*message*) yang dihantar secara peribadi daripada seorang pengguna kepada pengguna yang lain. Walau bagaimanapun, kajian ini tertumpu pada corak hantaran, naratif dan kemas kini mengenai topik penampilan diri dan maskuliniti dalam dunia hiburan dan politik Melayu. Selain itu, kajian ini lebih terbuka dari segi skop tanpa membataskan tempoh masa yang tertentu terhadap corak hantaran yang bersifat tular yang berkaitan dengan isu politik dan hiburan yang dipilih. Hal ini kerana skop yang lebih terbuka dapat menggalakkan kepelbagaian pentafsiran mengenai teks yang lebih kritikal.

Antaranya termasuklah bentuk penampilan diri yang memberi naratif baharu mengenai maskuliniti hero Melayu. Meskipun skala, skop dan keluasan data sering menjadi pertikaian penting dalam penyelidikan media sosial (McCay-Peet dan Quan-Haase 2018), adalah penting untuk kembali kepada asas kekuatan kajian kualitatif yang terbentuk daripada pemahaman tentang persoalan bagaimana dan mengapa sesuatu fenomena itu berlaku, bukan berapa jumlah atau berapa banyak bilangan fenomena tertentu yang muncul (Small 2005). Untuk menjawab persoalan bagaimana penampilan diri mewujudkan naratif baharu tentang pemerihalan maskuliniti dan memberi tafsiran kontemporari terhadap konsep hero Melayu, tiga tema berikut telah dibentuk dengan teliti oleh penyelidik iaitu moral yang terpuji, kecergasan badan dan kekuatan fizikal serta kesetiaan yang beretika yang menjadi panduan kepada pengukuhan konsep hero sebagai institusi budaya dalam konteks semasa. Pencarian isu hiburan dan politik popular dilakukan menerusi sistem pencarian Facebook dengan menggunakan *hashtag* istilah yang berkaitan (Carney 2016). Kajian ini juga mengambil kira isu etika khasnya dapatan yang diperoleh menerusi media seperti yang disarankan oleh Flicker, Haans dan Skinner (2004), Zimmer (2010) dan Naslund et al. (2014).

Moral yang Terpuji

Seperti yang dibincangkan pada bahagian awal, perbezaan ketara seseorang hero dengan selebriti ialah konsep kepujian. Dalam hal ini, sifat-sifat kepujian biasanya didorong oleh perlakuan yang bermoral dan menepati prinsip adat dan nilai-nilai Islam dalam masyarakat Melayu. Hero Melayu yang bermoral akan menerima sanjungan dan penghormatan dalam masyarakat. Dunia selebriti Melayu kontemporari kebiasaannya tertumpu pada penampilan pelakon lelaki

yang memegang watak hero dalam filem atau drama rantaian. Selain berlakon, mereka turut menjadi model iklan untuk siaran media elektronik seperti televisyen dan media sosial. Kekerapan mereka muncul dalam pelbagai platform media telah membina suatu populariti dan mula dianggap sebagai contoh lelaki yang sempurna. Antara pelakon Melayu popular dalam dunia media sosial ialah bekas Hero Remaja iaitu Syafiq Kyle yang mendapat perhatian khalayak melalui lakonannya di televisyen. Malahan penampilan diri beliau mula menjadi perbualan, perbincangan dan perdebatan umum di media sosial. Contohnya, penampilan beliau dengan rambut yang berwarna perang keemasan untuk watak utama drama bersiri *Mocha Kau Bahagia* menjadi perhatian dan ikutan peminat dalam media sosial khususnya Facebook (Mstar Online 2017). Malahan, perwatakan Islamik Syafiq Kyle yang berkulit sawo matang dan berkumis sebagai seorang ustaz dalam drama bersiri *Nur* turut menjadi perbualan hangat dan menerima pujian.

Dalam hal ini, keupayaan Syafiq Kyle sebagai seorang pelakon dan model mengimbangkan penampilan liberal dan Islamik telah mengukuhkan lagi maskuliniti beliau sebagai seorang hero Melayu dalam media sosial. Selain menjadi idola kepada keluarga dan peminat, gaya penampilan ini menjadi rujukan, inspirasi dan ikutan dalam kalangan khalayak massa (Zaidi 2018). Perhatian dan kepujian dalam bentuk komen dan tanda suka menerusi media sosial terhadap Syafiq Kyle mula berubah selepas kontroversi video lucah yang tersebar menerusi media sosial pada bulan Ramadan tahun 2018. Dalam hal ini, status Syafiq Kyle sebagai seorang hero dalam media sosial berada dalam keadaan yang berubah-ubah. Beliau mendapat perhatian dan sanjungan ketika mendapat tempat kedua Hero Remaja pada tahun 2011/2012 dan menerima kecaman teruk pada tahun 2018 selepas terbabit dengan skandal video lucah. Namun, beliau kembali dengan imej Islamik menerusi watak Ustaz Adam dalam drama bersiri *Nur* pada tahun 2019 dan diraikan oleh peminat dalam media sosial.

Skandal video lucah beliau mula diabaikan dan tidak menjejaskan kedudukannya sebagai hero dan ikon di mata pengikut dan peminat. Malahan, kedudukan beliau sebagai pemenang tempat kedua Hero Remaja 2011/2012 masih dikekalkan. Dalam situasi yang berbeza, pemenang Dewi Remaja 2018/2019 Haneesya Hani yang terpalit dengan rakaman video beliau dalam keadaan mabuk di kelab malam telah mendapat kecaman teruk dalam media sosial. Kesannya, gelaran Dewi Remaja ditarik balik oleh pihak penganjur dan turut menjejaskan masa depan beliau dalam bidang hiburan tempatan (Zaidi 2019). Keadaan ini mempamerkan bentuk kekelakian hegemoni yang membawa kepada dominasi lelaki terhadap wanita dalam dunia hiburan dengan mengekalkan konsep peranan jantina yang tidak adil. Dengan penampilan di luar norma feminin dianggap telah lari dari struktur moral seperti yang ditentukan dalam masyarakat Melayu.

Sistem moral masyarakat Melayu sentiasa ditentukan berdasarkan nilai-nilai Islam yang turut mengawal penampilan diri seseorang individu. Misalnya, penampilan yang tidak mengikuti ciri maskuliniti seseorang lelaki Melayu Islam akan mendapat kritikan berterusan dalam masyarakat. Lelaki yang beragama Islam wajib mempunyai akhlak yang terpuji dan berpegang pada prinsip moral yang berpandukan al-Quran dan hadis seperti yang dianjurkan oleh para sahabat Nabi termasuklah Abu Bakar As-Siddiq dan Umar Al-Khatab (Chandra 2020). Namun penampilan diri yang ditampilkan oleh Da'i Syed – bekas peserta program realiti televisyen Islamik *Da'i Pendakwah Nusantara* mengundang perdebatan, khususnya gaya beliau yang dilihat agak feminin – berambut panjang dan diwarnakan – sesuatu yang agak janggal berbanding dengan ciri-ciri seorang pendakwah Islam. Beliau gemar berpakaian kasual dan bergaya santai seperti selebriti lain dalam industri hiburan negara. Keadaan ini meletakkan Da'i Syed dalam suatu kedudukan yang berbeza daripada pendakwah moden tempatan yang lain (Ali 2021).

Sikap beliau yang bersahaja dan kata-kata nasihat yang sering dilontarkan menerusi media sosial memberi inspirasi kepada pengikut dan peminat yang seusia dengannya. Dengan perkataan lain, nilai-nilai murni yang bercirikan Islam membentuk penampilan diri beliau sebagai hero remaja yang bermoral dan juga pendakwah moden. Populariti Da'i Syed sebagai hero dan ikon remaja dalam media sosial mula dipertikaikan selepas dakwaan merogol yang tersebar menerusi media sosial. Tuduhan merogol dan seks luar tabii mempamerkan bentuk maskuliniti yang bersifat toksik dan ganas yang sama sekali bertentangan dengan penampilan Da'i Syed yang bersifat agak feminin dan bersopan santun. Justeru, moral yang terpuji menjadi penentu kepada penampilan diri yang menjadi tunjang utama pembentukan maskuliniti seseorang hero Melayu tanpa mengira platform – sama ada berdasarkan merit atau populariti yang tular dalam media sosial. Selain itu, kepatuhan terhadap adat budaya Melayu dan nilai-nilai Islam turut menjadi pertimbangan utama terhadap penampilan maskuliniti seseorang hero Melayu.

Kecergasan Badan dan Kekuatan Fizikal

Selain moral yang terpuji, seseorang hero Melayu dalam dunia media sosial turut diraikan dari segi penampilan bentuk fizikal tubuh badan yang sasa dan tegap. Hal ini dapat dilihat berdasarkan trend bentuk badan kebanyakan pelakon lelaki utama dalam drama dan filem Melayu kontemporari. Malahan, berbadan sasa dan tegap menjadi suatu kemestian bagi mereka untuk mendapatkan kontrak lakonan dalam mana-mana projek drama televisyen dan filem komersial. Meskipun kriteria ini dipertikaikan oleh sesetengah pihak, kekuatan fizikal dan tubuh badan yang sasa menjadi penentu kepada *rating* seseorang pelakon dalam konteks semasa (Amirul 2019). Bentuk fizikal badan yang sasa hari ini banyak dipengaruhi oleh gaya hidup

moden yang datang dari negara Asia Timur seperti Korea Selatan (Lee 2019). Pusat kecergasan atau gimnasium menjadi lokasi tumpuan utama dalam usaha mendapatkan bentuk badan yang sempurna – sasa, berdada bidang dan penonjolan otot serta urat yang ketara. Bentuk penampilan fizikal ini secara tidak langsung menambah naratif baharu mengenai maskuliniti lelaki Melayu. Malahan, mereka yang memiliki bentuk badan sebegini akan diraikan sebagai hero dan lelaki yang ideal dalam dunia media sosial. Selain dilihat sebagai ikon kesihatan – mereka yang berbadan sasa biasanya dianggap cergas dan kuat – penampilan seperti ini turut menepati syarat sebagai petugas barisan hadapan khasnya polis dan tentera.

Sesuai dengan perubahan zaman, drama televisyen kepolisan popular seperti *Gerak Khas* yang disiarkan menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM) sentiasa menampilkan pelakon lelaki utama yang berbadan sasa sebagai hero petugas barisan hadapan. Antaranya termasuklah Zul Ariffin dan Norman Hakim yang membawa gaya penampilan baharu seseorang hero dalam drama dan filem Melayu – sasa, berdada bidang dan berotot kekar. Pada masa yang sama, hero yang tidak menepati gaya penampilan sebegini akan digelar dengan istilah seperti “jambu” yang membawa konotasi lelaki yang bersifat manja, berbadan kurus dan amat mementingkan penjagaan wajah. Dengan perkataan lain, hero yang berperwatakan sebegini dianggap feminin dan tidak bersifat “jantan” seperti yang diinstitusikan dalam masyarakat Melayu. Sebagai contoh, reaksi Khairy Jamaluddin terhadap video kontroversi gadis Melayu bertudung yang berpelukan dengan bintang K-pop memberi suatu gambaran yang jelas mengenai penampilan diri seseorang lelaki Melayu dalam konteks semasa, “Banyak (yang) dikatakan tentang K-pop. Harap gadis-gadis Malaysia kembali kepada lelaki *tall, dark & handsome*. Bukan *pale, skinny & pretty*. Itu bukan lelaki sejati” (Astro Awani 2015).

Kenyataan Khairy mengesahkan pegangan maskuliniti hegemoni dalam masyarakat Melayu yang melihat bentuk maskuliniti luar seperti Korea dan Jepun sebagai rapuh (*soft masculinity*). Reaksi tegas beliau juga memperlihatkan dominasi ideologi dan kawalan lelaki terhadap wanita dalam membentuk suatu sudut pandang terhadap definisi lelaki Melayu yang sempurna – tinggi, berkulit sawo matang dan kacak (Ainslie 2017). Meskipun pandangan ini suatu stereotaip dunia Barat – yang menjadi idaman biasa dalam kalangan wanita dewasa (Evans 2017) – ciri-ciri ini berbeza dengan konsep maskuliniti Korea yang mula menjadi ikutan ramai dalam kalangan remaja lelaki hari ini iaitu berkulit cerah dan berwajah cantik seperti wanita. Dalam pada itu, krisis penampilan fizikal antara bentuk maskuliniti Korea dan maskuliniti Melayu pascakolonial turut dilihat menerusi perdebatan antara Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dengan penggiat seni tempatan lantaran keputusan beliau untuk membawa masuk BTS, kumpulan pop Korea Selatan yang ternama sempena Tahun Melawat Malaysia 2020. Menurut Lee (2021), “BTS bukan hanya

setakat idol. Mereka membawa mesej positif yang menyokong kesihatan mental dan mengurangkan risiko bunuh diri. Mesej ini turut membantu generasi muda di seluruh dunia termasuk Malaysia”.

Dalam hal ini, Syed Saddiq cuba mengimbangi pengaruh maskuliniti hegemoni dari sudut penampilan diri. Misalnya, mesej positif yang dibawa oleh BTS membuka suatu ruang baharu kepada peminat khususnya generasi muda tentang risiko kesihatan mental dan cubaan bunuh diri, meskipun penampilan mereka berada pada luar norma konvensyen maskuliniti Melayu. Sebagai menteri yang termuda pernah dilantik dalam Kabinet Malaysia, penampilan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman yang membawa gaya generasi terkini dilihat seiring dengan cita rasa maskuliniti positif – menjaga kesihatan kulit, amalan gaya hidup sihat dengan melakukan senaman ringkas di rumah dan menentang budaya buli dalam masyarakat (Iwan 2018; Hanafis 2019; Azwa 2020). Sebagai contoh, insiden yang melibatkan beliau dan aktivis politik Papa Gomo ketika kempen pilihan raya kecil Semenyih turut memperlihatkan perbezaan bentuk maskuliniti melalui penampilan diri khususnya bentuk dan kekuatan fizikal individu.

Syed Saddiq yang berfizikal kurus dan berwajah keanak-anakan mendakwa beliau telah diaibkan dan dcederakan oleh Papa Gomo yang berbadan sasa dan tegap dalam suatu kejadian di kawasan pilihan raya kecil tersebut (Farah Marshita 2019). Selain menjawat Exco Pemuda parti politik UMNO, Papa Gomo yang merupakan pemilik pusat kecergasan Gym Brotherhood pernah didenda atas kesalahan mencederakan seorang buruh Pakistan yang cuba mengganggu kehormatan adik perempuan beliau (Farah Marshita 2016). Dalam konteks ini, Papa Gomo yang merupakan pemimpin muda UMNO mempamerkan dominasi hegemoni dalam usaha mempertahankan struktur maskuliniti Melayu yang tebal dengan sifat patriarki, manakala Syed Saddiq Syed Abdul Rahman cuba mempromosi maskuliniti global yang lebih positif melalui kesaksamaan gender dan penampilan fizikal serta penentangan terhadap aktiviti buli dalam kalangan lelaki. Namun Syed Saddiq Syed Abdul Rahman turut berdepan dengan dakwaan pecah amanah dan menyalahgunakan wang sumbangan kempen pilihan raya parti politik yang diwakilinya dan secara langsung menjejaskan imej maskuliniti positif yang cuba diketengahkan oleh beliau dalam konteks Malaysia hari ini (Zanariah 2021).

Kesetiaan yang Beretika

Dunia politik Melayu menyaksikan unsur feodal seperti kesetiaan menjadi aset penting dalam penampilan diri seseorang hero. Amalan setia biasanya tertumpu kepada raja dan pemimpin bangsawan. Menurut Shahrudin (1993), kesetiaan menjadi suatu falsafah dalam kehidupan seseorang hero Melayu. Pada suatu tahap,

prinsip kesetiaan itu dipegang secara membuta tuli dan perlakuan ingkar dianggap sebagai menderhaka dan tidak setia. Amalan feudal ini berakar umbi dalam kehidupan masyarakat Melayu khususnya dalam dunia politik (Chandra 2020). Dalam media sosial, kesetiaan digunakan kembali untuk mendefinisikan maskuliniti seseorang pemimpin atau tokoh politik Melayu. Mereka yang mempamerkan perlakuan ingkar atau kesetiaan yang berkepentingan akan mendapat kecaman dan kritikan, manakala mereka yang menunjukkan taat setia kepada raja dan parti politik tertentu akan diraikan oleh khalayak ramai dan penyokong.

Antara isu popular yang meletakkan kesetiaan dalam penampilan diri seseorang tokoh politik termasuklah perbalahan antara bekas Menteri Besar Kedah Mukhriz Mahathir dengan keluarga diraja Johor. Perlakuan Mukhriz Mahathir yang enggan bersalaman dengan Sultan Johor ketika hadir untuk memberi penghormatan kepada Almarhum Sultan Pahang di Istana Abu Bakar telah mewujudkan perdebatan umum dalam media sosial (*Malaysiakini* 2019). Krisis Istana Johor dengan keluarga Mukhriz Mahathir telah bermula sejak 1992 selepas Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad bertanggungjawab terhadap pemansuhan kekebalan Raja-Raja Melayu dalam perlembagaan negara. Peristiwa ini diimbas kembali oleh Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim sebagai sejarah hitam kepada keluarga diraja khususnya di negeri Johor (Mykmu.net 2019). Pada masa yang sama, kritikan cucu Tun Mahathir terhadap Tunku Ismail telah melebarkan lagi jurang antara pemimpin dengan keluarga diraja dari segi praktik kesetiaan membuta tuli (Azie 2020).

Konsep kesetiaan yang tulen dan beretika dalam kalangan pemimpin politik kerap kali dipertikaikan dalam media sosial. Hal ini adalah kerana perbalahan mereka dengan keluarga diraja misalnya dilihat mempunyai kepentingan tertentu termasuklah sokongan pengundi untuk terus berkuasa dalam politik tanah air. Prinsip kesetiaan turut menjadi isu popular dalam hal-hal kepartian khususnya hubungan antara kepimpinan atasan dengan pemimpin bawahan. Misalnya, UMNO menggunakan istilah “setia” dalam slogan parti politik itu dalam usaha membentuk kesetiaan ahlinya terhadap kepimpinan tertinggi parti itu. Dengan cara memurnikan semula tradisi, sebarang kecenderungan atau usaha melawan hierarki tertinggi dalam UMNO akan dianggap sebagai menderhaka (Singh 1998). Selain pertembungan popular antara Tunku Abdul Rahman yang dilihat mempunyai fahaman politik pragmatik yang berteraskan nasionalis Melayu dengan Tun Mahathir yang mewakili golongan konservatif nasionalis Melayu, politik UMNO kontemporari masih diwarnai dengan falsafah kesetiaan. Misalnya pertikaian antara pucuk pimpinan parti selepas kejatuhan UMNO dalam pilihan raya ke-14 yang melibatkan kepimpinan atasan iaitu Presiden Ahmad Zahid Hamidi dan pemimpin bawahan seperti Papa Gomo. Penampilan Ahmad Zahid yang dianggap

tidak mempunyai ciri-ciri presiden yang boleh dijadikan hero, ikon atau tokoh besar kepada pengikut dan ahli UMNO sendiri telah mendorong pemimpin pemuda seperti Papa Gomo menggunakan platform media sosial seperti Facebook untuk mengkritik dan menjatuhkan beliau (Fairul Asmaini 2018).

Perlakuan Papa Gomo dianggap mempunyai kesetiaan yang tidak beretika kerana meskipun beliau merupakan seorang pemimpin UMNO, perbuatannya yang mengkritik institusi presiden dianggap suatu kesalahan besar dan digantung keahlian selama enam tahun (Shakira 2021). Keadaan ini berbeza dengan situasi Najib Razak yang meletakkan jawatan sebagai presiden selepas kekalahan besar UMNO pada pilihan raya umum ke-14 dan menghadapi tuduhan salah guna kuasa tetapi masih meletakkan kesetiaannya kepada pucuk pimpinan parti yang baharu. Tidak seperti Anwar Ibrahim yang menubuhkan Parti Keadilan Nasional selepas dipecat daripada UMNO, dan Tun Mahathir yang melancarkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PBBM) selepas keluar daripada UMNO secara sukarela, Najib Razak dilihat masih kekal setia dan tidak membantah sebarang keputusan parti. Walaupun beliau boleh menyelamatkan diri dengan melompat parti seperti yang berlaku pada sesetengah bekas pemimpin UMNO, Najib memilih untuk terus kekal berada dalam parti dan melalui prosedur mahkamah bagi tujuan membersihkan namanya. Amalan melompat parti turut menjadi perdebatan umum dalam media sosial khususnya dari segi prinsip kesetiaan seseorang pemimpin bagi tujuan mengekalkan pengaruh dan kuasa politik. Selain dicemuh sebagai amalan yang tidak beretika, perbuatan melompat parti dilihat sebagai bentuk maskuliniti yang tidak beretika dan berlindung di sebalik perebutan kuasa untuk mengawal rakyat dan kekayaan negara.

Dalam isu Najib Razak, selain menggunakan Facebook untuk membina semula pengaruh beliau, slogan *Malu apa, Bossku?* telah diketengahkan untuk menarik perhatian generasi muda yang kebanyakannya merupakan pengguna tegar media sosial (Tan 2019). Meskipun mendapat kritikan dan ejekan, slogan ini digunakan dengan berkesan oleh Najib Razak untuk membina semula imej beliau dan kepercayaan dalam kalangan pengikutnya. Secara tradisinya, konsep malu dalam masyarakat Melayu merupakan suatu ciri perlakuan yang digunakan untuk menjaga maruah seseorang individu atau keluarga. Namun, dalam hal ini konsep malu telah dimurnikan sebagai suatu bentuk maskuliniti yang baharu melalui penampilan diri seorang tokoh politik yang dilihat masih setia kepada parti dan pengikut menerusi media sosial. Meskipun menghadapi tuduhan salah laku di mahkamah, strategi ini dilihat berkesan dan mampu memujuk orang awam untuk memikirkan semula dakwaan, tuduhan dan celaan yang dilemparkan terhadap Najib Razak dalam media sosial.

KESIMPULAN

Media sosial hari ini seperti Facebook menawarkan dimensi baharu mengenai tafsiran dan konsep institusi hero Melayu. Ciri-ciri media sosial yang lebih terbuka, demokratik dan memperlihatkan elemen feudal yang mencorakkan naratif maskuliniti institusi hero Melayu mula mengalami penyesuaian dan perubahan besar. Kesannya, status pemilikan hero tidak lagi tertumpu dalam golongan feudal atau elit politik, malah meliputi rakyat biasa yang berkemahiran memanipulasi media sosial untuk tujuan pemujuan dan populariti. Malahan, naratif maskuliniti seseorang hero boleh dibentuk dalam pelbagai cara – imej dan teks popular dalam media sosial. Hal ini termasuklah penampilan diri yang dibentuk melalui perlakuan moral yang terpuji, kecergasan badan dan kekuatan fizikal serta kesetiaan yang beretika. Malahan, teks yang diraikan dalam media sosial mampu menukar status seseorang individu biasa sebagai hero yang disanjung.

Garis perbezaan antara hero dan selebriti mula menjadi kabur lantaran isu-isu popular mengenai penampilan diri dalam media sosial mula menjadi sebahagian daripada *pseudo-event* atau perancangan media mengenai pemerihalan maskuliniti yang menentukan makna dan garis perubahan institusi hero dalam konteks Malaysia kontemporari. Justeru, hero Melayu moden boleh merupakan seorang selebriti, ikon, bintang atau tokoh dalam dunia media sosial yang mungkin lahir daripada empat bidang penting iaitu politik, agama, petugas barisan hadapan dan sukan. Namun, seperti juga hero tradisi yang lahir menerusi merit untuk reputasi, pengiktirafan dan sanjungan serta keperibadian dan moral, mereka yang dianggap hero menerusi media sosial akan sentiasa terikat dengan nilai-nilai murni masyarakat Melayu khususnya nilai adat dan Islam.

PENGHARGAAN

Hasil kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Kementerian Pengajian Tinggi di bawah kod projek FP115-2018A bertajuk “Pengaruh dan kesan pembinaan tubuh badan sasa dalam pembentukan imej hero dalam kalangan lelaki Melayu”.

RUJUKAN

- Ainslie, M.J. 2017. Korean soft masculinity vs. Malay hegemony: Malaysian masculinity and Hallyu fandom. *Korea Observer* 48(3): 609–638.
- Ali, T. Rajalee. 2021. Ramai terpesona rambut ‘kepuk-kepuk’ Da’i Syed... rupa-rupanya selalu bungkus dengan tuala lepas mandi. 6 March. <https://www.facebook.com/mstardotcomdotmy/posts/4101909746494439> (accessed 1 July 2021).
- Alatas, S.H. 2016. *Mitos peribumi malas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amirul, A.H. 2019. Jangan buang masa kalau tiada rupa! 10 March. <https://www.hmetro.com.my/rap/2019/03/432106/jangan-buang-masa-kalau-tiada-rupa> (accessed 1 July 2021).
- Arkin, R.M., E.A. Lake dan A.H. Baumgardner. 1986. Shyness and self-presentation. In *Shyness*, eds. W.H. Jones, J.M. Cheek and S.R. Briggs, 189–203. Boston, MA: Springer.
- Astro Awani. 2015. Cari lelaki tinggi, berkulit gelap dan hensem...artis K-Pop bukan lelaki sejati – KJ. 11 January. <https://www.facebook.com/astroawani/posts/10152548990290965> (accessed 1 July 2021).
- Azie Saharuddin. 2020. Bagaimana keluarga kamu boleh kaya raya, soal TMJ pada cucu Mahathir. 11 August. <https://www.facebook.com/SuaraTV/posts/tmj-mahumenuntut-ilmu-kaya-dengan-keluarga-mahathir/2712335152356500/> (accessed 1 July 2021).
- Azwa Rahman. 2020. Beria aku ikut 10 step orang Korea rupanya. Syed Saddiq bongkar rahsia penjagaan kulit. 21 July. <https://gempak.com/berita-terkini/beria-aku-ikut-10-step-orang-korea-rupanya-syed-saddiq-bongkar-rahsia-penjagaan-kulit-39202> (accessed 1 July 2021).
- Birch, D., T. Schirato and S. Srivastava. 2001. *Asia: Cultural politics in the global age*. Sydney: Allen & Unwin.
- Boorstin, D.J. 1961. *The image: A guide to pseudo-events in America*. New York: Vintage Books.
- Braginsky, V.I. 1990. Hikayat Hang Tuah: Malay epic and Muslim mirror: Some considerations on its date, meaning and structure. *Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde* 146/4(1990):399–412. <https://doi.org/10.1163/22134379-90003207>
- Brennen, B.S. 2017. *Qualitative research methods for media studies*. London: Routledge.
- Carney, N. 2016. All lives matter, but so does race: Black lives matter and the evolving role of social media. *Humanity & Society* 40(2): 180–199. <https://doi.org/10.1177/0160597616643868>
- Chandra M. 2020. *Protector: An analysis of the concept and practice of loyalty in leader-led relationships within Malay society*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Connell, R.W. 1987. *Gender and power*. Sydney: Allen and Unwin.
- . 2003. Masculinities, change and conflict in global society: Thinking about the future of men’s studies. *Journal of Men’s Studies* 11(3): 249–66. <https://doi.org/10.3149/jms.1103.249>

- Connell, R.W. and J.W. Messerschmidt. 2005. Hegemonic masculinity: Rethinking the concept. *Gender & Society* 19(6): 829–859. <https://doi.org/10.1177/0891243205278639>
- Cubitt, G. 2000. Introduction: Heroic reputations and exemplary lives. In *Heroic reputations and exemplary lives* 1–6. Manchester: Manchester University Press.
- de Josselin de Jong, P. E. 1961. Who's who in the Malay Annals. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 34(2): 1–89.
- Demetriou, D.Z. 2001. Connell's concept of hegemonic masculinity: A critique. *Theory and Society* 30(3): 337–361. <https://doi.org/10.1023/A:1017596718715>
- Drucker, S.J. and R.S. Cathcart. 1994. *American media in a media age*. New Jersey: Hampton Press.
- Evans, D. 2017. The crisis for our adolescent boys: How adolescent girls objectify adolescent boys and the challenges for gender equity. *Australian Educational Leader* 39(2): 38–39.
- Eysenbach, G. and J.E. Till. 2001. Ethical issues in qualitative research on internet communities. *BMJ* 323(7321): 1103–1105. <https://doi.org/10.1136/bmj.323.7321.1103>
- Fairul Asmaini Mohd Pilus. 2018. Papagomo gesa Ahmad Zahid berundur bagi elak UMNO terus berpecah. 14 December. <https://www.facebook.com/bhonline/posts/papagomo-gesa-ahmad-zahid-berundur-bagi-elak-umno-terus-berpecah/10156858215335600/> (accessed 1 July 2021).
- Fansuri, H. 2020. Contested masculinity and social media. *International Sociological Association (ISA) E-Symposia* (March). <https://www.isaportal.org/resources/resource/contested-masculinity-and-social-media/> (accessed 1 July 2021).
- Farah Marshita Abdul Patah. 2016. Papagomo didenda RM4,300. 11 March. <https://www.facebook.com/harianmetro/posts/10153960431187052> (accessed 1 July 2021).
- _____. 2019. Papagomo didakwa mengaib, mencederakan Syed Saddiq. 28 February. <https://www.facebook.com/214066990599/posts/papagomo-didakwa-mengaib-mencederakan-syed-saddiq/10157050407300600/> (accessed 1 July 2021).
- Flicker, S., D. Haans and H. Skinner. 2004. Ethical dilemmas in research on internet communities. *Qualitative Health Research* 14(1): 124–134. <https://doi.org/10.1177/1049732303259842>
- Franz, D., H.E. Marsh, J.I. Chen and A.R. Teo. 2019. Using Facebook for qualitative research: A brief primer. *Journal of Medical Internet Research* 21(8): e13544. <https://doi.org/10.2196/13544>
- Fraser, B.P. and J.B. William. 2009. Media, celebrities, and social influence: Identification with Elvis Presley. *Mass Communication & Society* 5 (2): 183–206. https://doi.org/10.1207/S15327825MCS0502_5
- Goffman, E. 1959. *Presentation of self in everyday life*. Garden City, NY: Double Day Anchor Books.
- Goh, J.N. 2014. Fracturing interwoven heteronormativities in Malaysian Malay-Muslim masculinity: A research note. *Sexualities* 17(5–6): 600–617. <https://doi.org/10.1177/1363460714526317>

- Hanafis Haris. 2019. Duduk pun boleh dijadikan isu, give me a break – Foto Syed Saddiq sedang bersila dipertikai. 20 May. <https://gempak.com/berita-terkini/duduk-pun-boleh-dijadikan-isu-give-me-break-foto-syed-saddiq-sedang-bersila-dipertikai-18462> (accessed 1 July 2021).
- Harrison, B. 1954. Malacca in the eighteenth century: Two Dutch governors' reports. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 27(1(165)): 24–34
- Healey, L. 1994. Modernity, identity and construction of Malay womanhood. In *Modernity and Identity: Asian illustrations*, ed. A. Gomes, 111–130. Bundoora: Latrobe University Press.
- Henderson, A. 1992. Media and the rise of celebrity culture. *OAH Magazine of History* 6(4): 49–54. <https://doi.org/10.1093/maghis/6.4.49>
- Hill, A.H. 1960. Hikayat Raja-raja Pasai. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 33(2)(190): 1–215.
- Hussain Othman. 2008. Conceptual understanding of myths and legends in Malay history. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 26(2008): 91–110.
- Izra Inna Md Idris, Mohamad Saleeh Rahamad and Md Azalanshah Md Syed. 2017. Saladin: The animated series sebagai wacana orientalisme. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 19(1): 1–22. <https://doi.org/10.22452/jpmm.vol19no1.1>
- Iwan Shu-Aswad Shuaib. 2018. Syed Saddiq mahu sado, ini kali lah! 18 May. <https://www.facebook.com/mstardotcomdotmy/posts/1881702955181807> (accessed 1 July 2021).
- Kaplan, A.M. and M. Haenlein. 2010. Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media. *Business Horizons* 53(1): 59–68. <https://doi.org/10.1086/220292>
- Khoo, G.C. 2006. *Reclaiming adat: Contemporary Malaysian film and literature*. Vancouver: UBC Press.
- Kim, H. and Z. Papacharissi. 2003. Cross-cultural differences in online self-presentation: A content analysis of personal Korean and US home pages. *Asian Journal of Communication* 13(1): 100–119. <https://doi.org/10.1080/01292980309364833>
- Klapp, O.E. 1948. The creation of popular heroes. *American Journal of Sociology* 54(2): 135–141. <https://doi.org/10.1086/220292>
- Kumar, S. 2017. Hero. *South Asia: Journal of South Asian Studies* 40(2): 327–329. <https://doi.org/10.1080/00856401.2017.1295207>
- Lee, M.J. 2019. Desiring Asian masculinities through Hallyu tourism. In *The rise of K-dramas: Essays on Korean television and its global consumption*, eds. J.Y. Park and A.G. Lee, 26–46. Jefferson, North Carolina: McFarland.
- Lee, M.W. 2002. Conference report: The international symposium on Malaysian masculinities co-organised by CMS-ATMA, UKM (3 & 4 November 2001). *Akademika* 60(1): 105–111.
- Lee, S.Y. 2021. “BTS isn’t just an idol”. Syed Saddiq praises boy band for their message of self-love. 7 June. <https://www.facebook.com/WeirdKaya/posts/311623147381235> (accessed 1 July 2021).
- Lim, D.C.L. 2006. Cruising mat motor: Malay biker masculinity and queer desire in/through KL Menjerit. *Inter-Asia Cultural Studies* 7(1): 62–80. <https://doi.org/10.1080/14649370500463133>

- Malaysiakini. 2019. Mukhriz apologises for snubbing Johor ruler. 24 May. <https://www.facebook.com/kinitv/posts/1250426798467376> (accessed 1 July 2021).
- Maxwell, W.E. 1881. Art. XXI.—Two Malay myths: The princess of the foam, and the raja of the bamboo. *Journal of the Royal Asiatic Society* 13(4): 498–523. <https://doi.org/10.1017/S0035869X00017974>
- McCay-Peet, L. and A. Quan-Haase. 2018. What is social media and what questions can social media research help us answer. In *The SAGE handbook of social media research methods*, eds. L. Sloan and Q.H. Anabel, 13–26. London: Sage Publications.
- McInnes, D. 2016. Gender as a practice. In *The Wiley Blackwell Encyclopaedia of Gender and Sexuality Studies*, ed. N.A. Naples, 1–2. New Jersey: John Wiley & Sons.
- McLuhan, M. 1964. *Understanding media: The extensions of man*. New York: Signet.
- Morgan, D. 2005. Class and masculinity. In *Handbook of studies on men and masculinities*, eds. M.S. Kimmel, J. Hearn and R.W. Connell, 165–177. Thousand Oaks, California: Sage Publications.
- Morgan, S. 2019. Heroes in the age of celebrity. *Historical Social Research/Historische Sozialforschung. Supplement* 32(2019): 165–185.
- MStar Online. 2017. Rambut ‘mocha’ Syafiq Kyle jadi perhatian! 13 November. <https://www.facebook.com/mstardotcomdotmy/posts/1685220828163355> (accessed 1 July 2021).
- Muhammad Hj. Salleh. 2012. Hang Tuah in the sea of oral Malay narratives. *Malay Literature* 25(2): 121–158. [https://doi.org/10.37052/ml.25\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/ml.25(2)no1)
- Mykmu.net. 2019. TMJ imbas sejarah hitam 1992 di bawah Dr Mahathir. 1 September. <https://www.facebook.com/MyKMU/posts/2553891878006040> (accessed 1 July 2021).
- Naslund J.A., S.W. Grande, K.A. Aschbrenner and G. Elwyn. 2014. Naturally occurring peer support through social media: The experiences of individuals with severe mental illness using YouTube. *PLoS One* 9(10):e110171. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0110171>
- Parry, K.D. 2021. The formation of heroes and the myth of national identity. *Sport in Society* 24(6): 886–903. <https://doi.org/10.1080/17430437.2020.1733531>
- Said, E. 1985. *Orientalism: Western conceptions of the Orient*. London and New York: Routledge.
- Shakira, B. 2021. Saya digantung UMNO kerana kritik Zahid – Papagomo. 2 September. <https://www.malaysiakini.com/news/589710> (accessed 1 July 2021).
- Shaharuddin Maaruf. 1993. *Konsep wira dalam masyarakat Melayu*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd Singapura.
- Shellabear, W.G. 1975. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Singh, H. 1998. Tradition, UMNO and political succession in Malaysia. *Third World Quarterly* 19(2): 241–254. <https://doi.org/10.1080/01436599814442>
- Small, M.L. 2005. Lost in translation: How not to make qualitative research more scientific. In *Workshop on interdisciplinary standards for systematic qualitative research*, eds. M. Lamont, and P. White, 165–171. Washington, DC: National Science Foundation.

- Smith, L.R. and J. Sanderson. 2015. I'm going to Instagram it! An analysis of athlete self-presentation on Instagram. *Journal of Broadcasting & Electronic Media* 59(2): 342–358. <https://doi.org/10.1080/08838151.2015.1029125>
- Sperlich, K. 2016. The hero as celebrity in contemporary British media. *E-Journal zu Kulturen des Heroischen* 4(01): 81–86.
- Strate, L. 1985. Heroes, fame and the media. *Et cetera* 42(1985): 47–53. <https://doi.org/10.1159/000242090>
- Sweeney, A. 1973. Professional Malay story-telling: Part 1. Some questions of style and presentation. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 46(2): 1–53.
- Swettenham, F. A. 1913. *Malay Sketches*. London: John Lane.
- . 1955. *British Malaya: An account of the origin and progress of British influence in Malaya*. London: John Lane The Bodley Head.
- Tan, J. 2019. Can Dr M stop the Bossku momentum? 4 February. <https://www.facebook.com/TheStarOnline/posts/10155484955567255> (accessed 1 July 2021).
- Trammell, K.D. and A. Keshelashvili. 2005. Examining the new influencers: A self-presentation study of A-list blogs. *Journalism & Mass Communication Quarterly* 82(4): 968–982. <https://doi.org/10.1177/107769900508200413>
- West, C. and D.H. Zimmerman. 1987. Doing gender. *Gender & Society* 1(2): 125–151. <https://doi.org/10.1177/0891243287001002002>
- Wright, W. 2005. Introduction: The hero in popular stories. *Journal of Popular Film and Television* 32(4): 146–148. <https://doi.org/10.3200/JPFT.32.4.146-148>
- Wright, A. and T.H. Reid. 1912. *The Malay Peninsula: A record of British progress in the Middle East*. London: Fisher Unwin.
- Zaidi Mohamad. 2018. Uncle Syafiq yang ajar. 20 May. <https://www.facebook.com/bhonline/posts/uncle-syafiq-yang-ajar/10156305166865600/> (accessed 1 July 2021).
- . 2019. Haneesya akur hilang gelaran Dewi Remaja. 17 January. <https://www.facebook.com/bhonline/posts/10156943519480600> (accessed 1 July 2021).
- Zainal-‘Abidin, A. 1951. Some Malay legendary tales. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 24(1): 77–89.
- Zanariah Abd Mutalib. 2021. Syed Saddiq didakwa pecah amanah, salah guna wang. 22 July. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/842005/syed-saddiq-didakwa-pecah-amanah-salah-guna-wang> (accessed 1 August 2021).
- Zimmer, M. 2010. “But the data is already public”: On the ethics of research in Facebook. *Ethics and Information Technology* 12(4): 313–325. <https://doi.org/10.1007/s10676-010-9227-5>